

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI PORT DICKSON**DALAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS****KES TANGKAP NO.: ND-83D-463-07/2023****PENDAKWA RAYA****v****CHEW KIEN HING
(NO. K/P: 740321055189)****ALASAN PENGHAKIMAN****PENDAHULUAN**

[1] Tertuduh dalam kes ini telah dituduh dengan kesalahan memiliki 8.71 gram dadah berbahaya jenis Methamphetamine iaitu satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("**ADB**") dan dihukum di bawah seksyen 39A(1) Akta yang sama. Tertuduh telah membuat pengakuan salah dan setelah menerima pengakuan tersebut, Mahkamah ini merekodkan sabitan dan melepaskan Tertuduh dengan menyempurnakan bon kelakuan baik di bawah seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah ("**KTJ**") dengan cagaran sebanyak RM4,000 dengan seorang penjamin beserta beberapa syarat tambahan.

[2] Pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan perintah tersebut dan telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Ini merupakan alasan penghakiman Mahkamah ini berkenaan keputusan tersebut.



S/N 1no1uOvQJEqbbvz8r9e0dg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

LATAR BELAKANG

[3] Pada 4 Julai 2023, Tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah ini untuk menjawab pertuduhan ke atas beliau. Tertuduh pada mulanya membuat pengakuan tidak bersalah dan meminta untuk dibicarakan. Setelah beberapa kali sebutan dilakukan bagi tujuan penyediaan dan serahan dokumen, pindaan pertuduhan serta peluang untuk memasukkan representasi kepada pihak pendakwaan, Tertuduh memutuskan untuk menukar pengakuan beliau pada 13 Disember 2023. Pertuduhan pindaan yang berikut dibacakan semula kepada Tertuduh pada tarikh tersebut:

“Bahawa kamu pada 01.07.2023 jam lebih kurang 1.45 pagi, bertempat di rumah beralamat No. 23, Jalan Seremban, Taman Kampung Paya Utama, di dalam daerah Port Dickson, di dalam Negeri Sembilan, telah ada dalam milikan kami bahan disyaki dadah berbahaya jenis “Methamphetamine” seberat 8.71 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) Akta yang sama.

Hukuman dibawah sek. 39A(1) ADB 1952:

Setiap orang yang didapati bersalah bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini hendaklah dihukum dengan penjara untuk suatu tempoh tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun, dan ia juga akan dikenakan hukuman sebat tidak kurang daripada tiga sebatan tetapi tidak lebih daripada sembilan sebatan.”



[4] Tertuduh telah membuat pengakuan salah setelah pertuduhan pindaan tersebut dibacakan ke atasnya. Mahkamah ini berpuas hati bahawa Tertuduh faham akan sifat dan akibat pengakuan tersebut. Pihak pendakwaan kemudiannya mengemukakan fakta kes dan kesemua dokumen untuk menyokong fakta kes untuk ditandakan sebagai ekshibit oleh Mahkamah. Tertuduh telah mengakui fakta kes yang telah dibacakan dan semua ekshibit yang telah ditunjukkan kepadanya. Oleh yang demikian, Mahkamah ini menerima pengakuan salah Tertuduh dan meneruskan untuk mendengar hujahan mitigasi dan pemberatan bagi tujuan hukuman.

[5] Tertuduh dalam kes ini diwakili oleh peguambela pilihannya sendiri. Peguambela terpelajar telah memfailkan satu hujahan bertulis untuk memohon Mahkamah ini untuk melepaskan Tertuduh dengan bon kelakuan baik di bawah seksyen 173A Kanun Tatacara Jenayah. Mahkamah juga telah mendengar hujahan Peguambela terpelajar secara lisan. Secara ringkasnya, dalam kedua-dua hujahan bertulis dan lisan, Peguambela terpelajar menghujahkan bahawa kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) ADB bukanlah satu kesalahan yang serius. Peguambela juga menghujahkan latar belakang Tertuduh ini bersesuaian untuk Mahkamah ini melepaskannya dengan satu bon kelakuan baik. Tertuduh sudah berusia 49 tahun dan merupakan seorang “*family man*” yang menanggung dan menjaga isteri, anak, cucu serta kedua orang tua yang telah berusia. Tertuduh hanya bekerja sebagai pemandu jentera “*backhoe*” JCB dan sekiranya Tertuduh dihantar ke penjara, beliau akan hilang kerja dan keluarganya kehilangan punca pendapatan. Peguambela terpelajar juga menghujahkan bahawa Mahkamah ini harus mengambilkira faktor pengakuan salah Tertuduh yang menjimatkan masa Mahkamah. Tertuduh juga merupakan pesalah



kali pertama dan telah insaf dengan kesalahan yang dilakukannya. Kes pemilikan dadah ini juga tidak melibatkan mangsa seperti kes rogol, curi bunuh dan sebagainya. Peguambela terpelajar menghujah faktor-faktor ini mewajarkan peluang kali kedua diberikan kepada Tertuduh untuk dilepaskan dengan mengikat bon kelakuan baik.

[6] Timbalan Pendakwaraya terpelajar dalam hujahan pemberatannya memohon untuk Mahkamah ini menjatuhkan hukuman berat selari dengan kesalahan yang telah dilakukan bagi mencegah Tertuduh dan masyarakat luar untuk tidak melakukan kesalahan ini. Timbalan Pendakwaraya terpelajar juga menghujahkan bahawa pengakuan salah bukanlah satu cara untuk Tertuduh mendapatkan pengurangan hukuman secara automatik. Seterusnya, Timbalan Pendakwaraya terpelajar menghujahkan bahawa kesalahan yang dilakukan Tertuduh merupakan satu kesalahan berat kerana mengikut beberapa duluan keputusan-keputusan Mahkamah adalah matan bahawa apa-apa kesalahan berkaitan dadah yang merupakan musuh nombor satu negara adalah satu kesalahan berat yang melibatkan impak kepada keluarga, keselamatan masyarakat dan ekonomi negara. Akhir sekali, Timbalan Pendakwaraya terpelajar memohon Mahkamah ini untuk mengambilkira berat dadah berbahaya yang terlibat iaitu 8.71 gram Methamphetamine dan memberikan hukuman yang setimpal.

[7] Dengan mengambil kira hujahan pihak-pihak yang merangkumi fakta dan keadaan kes ini, Mahkamah ini kemudiannya membuat pertimbangan untuk menjatuhkan hukuman menurut undang-undang.



HUKUMAN DAN ALASAN

[8] Dalam menentukan hukuman yang bersesuaian, titik permulaannya ialah Mahkamah ini mempunyai budi bicara untuk menjatuhkan hukuman menurut undang-undang. Adalah suatu prinsip undang-undang yang matan bahawa Mahkamah ini adalah terikat dengan ruang lingkup statutori dan prinsip-prinsip kehakiman yang mantap dalam menjatuhkan hukuman menurut undang-undang (lihat: **PP v. Jafa Daud [1981] 1 LNS 28; Tan Lay Chen v. Public Prosecutor [2000] 4 CLJ 492, [2001] 1 MLJ 135**). Salah satu prinsip kehakiman mantap ialah tugas utama mahkamah adalah untuk menimbang faktor-faktor mitigasi dan pemberatan bagi mencapai keseimbangan antara menjaga kepentingan awam dan kepentingan Tertuduh. Hal ini adalah seperti menurut Hashim Yeop A Sani J (kemudiannya CJM) dalam **Raja Izzuddin Shah v. PP [1979] 1 MLJ 270**:

*"In his grounds of judgment the learned Magistrate seemed to be unduly influenced by the submission of Counsel for the prosecution that the plea in mitigation did not amount to a mitigation at all and therefore rejected all of them. I disagree. No plea in mitigation should be thrown aside lightly but must be examined and considered equally with the facts presented by the prosecution. **Both aspects of the case must be considered in their true perspective so as to strike if possible, a true balance in the scale of justice.**"*

[9] Faktor pemberatan dalam kes ini ialah kepentingan awam perlu dititikberatkan oleh Mahkamah ini terutamanya bagi kes melibatkan penyalahgunaan dadah. Seperti yang diujahkan oleh Timbalan Pendakwaraya terpelajar, isu penyalahgunaan dadah, walaupun tiada



kewujudan 'mangsa' secara langsung, tidak boleh dipandang remeh berkenaan kesan dan akibatnya kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan mahkamah hendaklah bersifat mencegah untuk mencerminkan keseriusan mahkamah terhadap pelakuan jenayah sebegini dalam kalangan masyarakat. Eusoffe Abdoolcader J (kemudiannya SCJ) dalam **Tay Lay Chen (supra)** menggariskan seperti berikut berkenaan hukuman perlu bersifat mencegah dalam menjaga kepentingan awam:

"In sentencing generally the public interest must necessarily be one of the prime considerations, and more particularly in offences involving the unlawful use or possession of firearms the public interest should never be relegated to the background and must of necessity assume the foremost importance. Of the several concepts relevant to sentencing, it is my considered view that deterrence and prevention assume positions in the forefront in relation to offences of this nature. Lawton L.J. in his delightful analysis of the classic principles of sentencing and general aspects of punishment in the English Court of Appeal in Reg v JH Sargeant (1975) 60 Cr App R 74 7778 observed (at page 77):

"Deterrent sentences may very well be of considerable value where crime is premeditated. Burglars, robbers and users of firearms and weapons may very well be put off by deterrent sentences."

[10] Namun begitu, saya berpendapat menjatuhkan hukuman penjara antara 2 hingga 5 tahun (yang merupakan julat hukuman minima dan



maksimum di bawah seksyen 39A(1) ADB) bukanlah satu-satunya cara untuk menjaga kepentingan awam dalam kes ini. Faktor-faktor mitigasi lain masih boleh memihak kepada pesalah untuk dikenakan hukuman alternatif dan diselamatkan daripada pemenjaraan yang panjang.

[11] Antara faktor mitigasi utama yang perlu dititikberatkan oleh Mahkamah ini ialah Tertuduh dalam kes ini merupakan pesalah kali pertama yang tidak mempunyai sebarang rekod kesalahan. Sepertimana yang diujahkan oleh Peguambela terpelajar, Tertuduh jelas bukanlah seorang penjenayah yang tidak boleh dibendung. Notis kehakiman hendaklah diambilkira berkenaan jenayah penyalahgunaan dadah yang kebiasaannya bersifat menagihkan dan seterusnya memberi kecenderungan kepada pesalah untuk melakukan kesalahan yang sama berulang kali. Oleh itu, prospek pemulihan hendaklah ditekankan bagi pesalah kali pertama bagi mengelakkan pesalah tersebut bertukar menjadi penjenayah yang berulang. Kepentingan awam juga terjaga sekiranya Tertuduh dibimbing ke kehidupan yang jujur dan tidak memilih jalan jenayah semula (lihat: **Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102**).

[12] Prospek pemulihan juga amat jelas bagi Tertuduh dalam kes ini. Tertuduh merupakan pesalah kali pertama di usia 49 tahun. Tertuduh menyara ahli keluarga yang ramai dan memegang peranan sebagai anak, suami, ayah dan datuk dalam menanggung keluarga dengan pekerjaan sebagai pemandu jentera. Kebergantungan yang tinggi keluarga Tertuduh kepadanya menunjukkan bahawa Tertuduh perlu tahu sifat tanggungjawab yang dipikul olehnya. Di samping itu, melalui pemerhatian saya terhadap Tertuduhan di dalam mahkamah juga menunjukkan beliau merasa insaf akan kesalahan yang telah dilakukan dan tidak mengambil



ringan terhadap prosiding-prosiding yang dijalankan di mahkamah. Tertuduh juga telah memilih untuk membuat pengakuan salah dan menyerahkan nasib beliau kepada budi bicara mahkamah. Dengan menghantar Tertuduh ke hukuman penjara seperti di bawah seksyen 39A(1) ADB akan menimbulkan lebih banyak kesan yang tidak diinginkan seperti menyebabkan Tertuduh kehilangan pekerjaan yang stabil dan keluarganya hilang punca pendapatan yang mana lebih menjurus untuk memberi tekanan kepada Tertuduh untuk kembali ke jalan jenayah.

[13] Oleh itu, berdasarkan faktor-faktor mitigasi tersebut dan latar belakang kes ini yang menunjukkan Tertuduh sebagai pesalah kali pertama yang mempunyai prospek pemulihan yang jelas, saya telah memutuskan untuk memerintahkan Tertuduh diikat dengan satu bon kelakuan baik di bawah seksyen 294 KTJ. Seksyen 294(1) KTJ memperuntukkan seperti berikut:

“294. First offenders

- (1) *When any person has been convicted of any offence before any Court if it appears to the Court that regard being had to the character, antecedents, age, health or mental condition of the offender or to the trivial nature of the offence or to any extenuating circumstances under which the offence was committed it is expedient that the offender be released on probation of good conduct, the Court may, instead of sentencing him at once to any punishment, direct that he be released on his entering into a bond with or without sureties and during such period as the Court may direct to appear and*



receive judgment if and when called upon and in the meantime to keep the peace and be of good behaviour.”

[14] Bon kelakuan baik di bawah seksyen 294 KTJ bukanlah bermakna Tertuduh terlepas serta-merta daripada jenayah yang dilakukannya. Perintah di bawah seksyen 294 KTJ adalah satu bentuk ‘*suspended sentence*’ yang bersifat menghukum. Berbeza dengan perintah bon kelakuan baik di bawah seksyen 173A KTJ yang dipohon oleh Tertuduh, perintah bon kelakuan baik di bawah seksyen 294 KTJ mewajibkan sabitan kesalahan direkodkan oleh Mahkamah dan pesalah memegang rekod tersebut sampai bila-bila sebagai pengajaran kepadanya. Pesalah itu juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat bon untuk berkelakuan baik dan boleh dihadapkan semula ke Mahkamah sekiranya syarat bon dilanggar untuk dijatuhkan hukuman dalam peruntukan asal. Hal ini diterangkan oleh Ong Hock Sim FJ dalam **Jayanthan v. PP [1973] 1 LNS 56** seperti berikut:

“This section vests the Court before which a person is convicted with power to suspend sentence for such period as the Court may direct, and, if the offender behaves himself during such period, he would escape punishment for his offence. If he fails to observe the conditions of his bond, he would be liable to be apprehended and dealt with for his original offence.”

[15] Mahkamah ini juga mengambilkira peringatan yang dinyatakan dalam kes **PP v. Abdul Halim Abd Samat [2014] 4 CLJ 12** bahawa fakta dan merit setiap kes yang berbeza haruslah diteliti dalam menentukan sama ada perintah di bawah seksyen 294 KTJ wajar diberikan. Perkara berikut ditekankan:



“[14] In his submissions, learned counsel placed great reliance on the case of Nor Afizal Azizan v. PP (supra) to say that s. 294 of the CPC is punitive in effect and amounts to a form of punishment being inflicted on the offender. We find that learned counsel's reliance on the case of Nor Afizal Azizan v. PP (supra) is misplaced. We say this because although we cannot deny the fact that an order under s. 294 of the CPC is in fact punitive in nature we must not lose sight of the fact that each individual case must be considered on its own merits and must be examined with a view to ascertaining whether, having regard to any of the matters mentioned in s. 294 of the CPC, binding over in all the circumstances of the case is expedient. (See Public Prosecutor v. Lim Guan Hock, Public Prosecutor v. Boo Swee Kim [1949] MLJ 231; and Lim Kim Poh v. PP [2000] 8 CLJ 328; [2000] 3 MLJ 411). It must be recognised that no two cases are alike, and that the facts must necessarily vary from case to case. At the end of the day, each case has to be decided on its own merits.”

[16] Mahkamah ini mendapati perintah bon kelakuan baik dalam kes ini wajar diberikan mengambilkira fakta kes dan latar belakang Tertuduh dalam kes ini. Lebih penting lagi, perintah ini juga merupakan langkah yang wajar dan efektif untuk Mahkamah ini memantau kelakuan Tertuduh dengan cara mengikat beliau untuk berkelakuan baik dan mematuhi syarat-syarat bon. Pemantauan ini adalah bertujuan untuk memastikan Tertuduh tidak mengulangi kesalahan yang sama atau kembali ke jalan jenayah. Di samping mengenakan bon selama 2 tahun bercagar sebanyak RM4,000 dengan seorang penjamin, Mahkamah ini juga telah menggunakan budi bicara di bawah seksyen 294A KTJ untuk mengenakan syarat-syarat bon yang berikut bagi tujuan memantau Tertuduh:



- (i) Tertuduh hendaklah melaporkan diri ke balai polis terdekat sekali dalam setiap dua bulan sepanjang tempoh bon;
- (ii) Tertuduh dikehendaki berkelakuan baik dengan tidak mengulangi kesalahan yang sama atau melanggar apa-apa undang-undang negara.

Mahkamah ini juga telah mengingatkan kepada Tertuduh bahawa sekiranya syarat-syarat ini dilanggar, Tertuduh akan dihadapkan semula ke Mahkamah untuk dijatuhkan hukuman dalam peruntukan yang asal.

[17] Mahkamah ini hanya berharap dengan pendekatan perintah ini, Tertuduh dapat memulakan hidupnya semula, terus berbakti kepada keluarga dan menjauhi jenayah penyalahgunaan dadah. Harapan ini adalah nadi dalam penggunaan budi bicara Mahkamah untuk mengeluarkan hukuman alternatif dalam bentuk bon kelakuan baik sepertimana yang disebut oleh Raus Sharif JCA (kemudiannya CJ) dalam **Nor Afizal Azizan v. PP [2012] 6 CLJ 370**:

“Like the learned SCJ, we are hopeful that the suspended sentence would give the appellant another chance in life and that he will “turn over a new leaf”. If the order of the suspended prison sentence has the effect of rehabilitating him, then public interest has indeed been served and best served.”

KESIMPULAN

[18] Setelah mengambilkira kesemua fakta dan keadaan kes ini serta menimbangkan faktor-faktor mitigasi dan pemberatan, Mahkamah ini



merekodkan sabitan kesalahan Tertuduh dan memerintahkan Tertuduh untuk dilepaskan dengan menyempurnakan bon kelakuan baik di bawah seksyen 294 KTJ dengan cagaran sebanyak RM4,000 selama tempoh 2 tahun beserta syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas.

Bertarikh 14 Februari 2024

sgd

.....
UTHMAN BIN ABD GHANI

Majistret

Mahkamah Majistret Port Dickson

Negeri Sembilan

*Untuk pihak pendakwaan – Timbalan Pendakwaraya Puan Nadia Ezzati
binti Mohd Zainal*

*Untuk pihak pembelaan – En. Mendeep Singh (Tetuan R. Shan &
Associates)*

